



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Aidiladha

12 September 2016 / 10 Zulhijjah 1437

Ilmu Agama Sebagai Pembimbing Jalan

الله أَكْبَرُ 9x

الله أَكْبَرُ، مَا تَقَرَّبَ الْعَبْدُ بِقُرْبَانٍ.

الله أَكْبَرُ، مَا رَغِبَ الْعَابِدُونَ فِي الْغُفْرَانِ.

الله أَكْبَرُ، مَا حَمِدَهُ الْإِنْسُ وَالْجَانُ.

الله أَكْبَرُ، مَا جَرَتِ الْكَوَاكِبُ بِحُسْبَانٍ.

الله أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ وَاللهُ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ هَذَا الشَّهْرَ وَجَعَلَ عِبَادَةَ الْحَجِّ وَعِيدَ

الْأَضْحَى مِنْ شَعَائِرِ اللهِ وَإِحْيَاءَهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا

إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ

وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اتَّقُوا اللهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ، فَقَدْ

فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Saudara sidang jemaah yang dirahmati Allah,
Pada saat yang penuh dengan keberkatan ini, marilah kita sama-sama bermohon agar Allah s.w.t menyuburkan terus keimanan dan ketakwaan kita kepadaNya. Tatkala kita melaungkan takbir memuji kebesaran dan keagunganNya, rendahkan hati kita. Hadirkan di dalam sanubari kita sanjungan terhadap kehebatan Allah s.w.t dengan merenung segala nikmatNya buat kita. Dialah yang memberi kita kesihatan, keimanan, keluarga dan harta agar kita dapat terus merasakan kedamaian dan kebahagiaan hidup di dunia yang sementara ini. Mudah-mudahan, Allah menjadikan kita serta saudara-mara kita yang sedang melaksanakan haji di kalangan mereka yang diredhaiNya. Amin ya Rabbal 'Alamin.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

PENGHAYATAN BULAN ZULHIJJAH

Muslimin muslimat yang saya kasihi, dengan bertandangnya Aidiladha setiap tahun, kita akan diingatkan akan kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya, Nabi Ismail. Begitu unggul kisah pengorbanan mereka sehingga menjadi tauladan yang disebut-sebut setiap kali tiba Aidiladha.

Walaupun bagaimanapun, contoh keperibadian mulia Nabi Ibrahim tidak hanya terpapar ketika beliau melaksanakan perintah untuk menyembelih Nabi Ismail, tetapi juga kelihatan jelas pada

keprihatinannya yang begitu besar terhadap kesejahteraan dan kebaikan keluarga serta anak-anaknya. Doa-doa yang beliau panjatkan untuk anak-anak serta keturunannya melambangkan kasih sayang agung seorang ayah. Di antaranya ialah doa seperti yang terkandung di dalam firman Allah s.w.t. pada surah Al-Baqarah ayat 128 yang berbunyi:

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا
مَنَاسِكَانَا وَتُبَّ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Yang bermaksud: “Ya Tuhan kami, jadikanlah kami berdua orang yang tunduk patuh kepadaMu dan (jadikanlah) diantara anak cucu kami masyarakat yang kekal menyerah diri kepadaMu dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara dan tempat-tempat ibadat haji kami, dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkau adalah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.”

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

PEMAHAMAN AGAMA YANG BERMASALAH

Saudaraku,

Begitulah Nabi Ibrahim. Beliau bukan sahaja giat membimbing manusia. Bahkan anak dan keluarganya tidak terlepas daripada perhatiannya. Kerana Nabi Ibrahim ingin anak-anaknya turut berjaya dan selamat, di dunia dan di akhirat. Maka begitulah juga kita, saudara saudari sekalian. Menjadi

fitrah kita sebagai manusia untuk mendambakan kejayaan memasuki syurga bersama anak-anak dan keturunan kita. Inilah kasih sayang sebenar saudara, kasih sayang orang tua yang akan membawa anaknya ke syurga. Sesuai dengan firman Allah s.w.t. di dalam Surah At-thur ayat 21:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُمْ
مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِيْنٌ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *“Dan orang-orang yang beriman serta zuriat mereka yang ikut serta dalam keimanan, [akan] Kami himpulkan zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.”*

Namun, saudara saudari sekalian, dambaan kita ini tidak akan ke mana kalau hanya disandarkan kepada angan-angan dan mimpi sahaja. Selain doa, ia juga memerlukan kesungguhan untuk mengusahakan perkara-perkara yang akan menjadi sebab kita dan mereka bersama-sama dapat memasuki syurga Allah.

Salah satu perkara yang paling dasar yang amat perlu kita usahakan ialah membangunkan ilmu dan pemahaman agama mereka. Hanya dengan ilmu, mereka akan dapat dibekalkan dengan keimanan untuk mentauhidkan Allah. Hanya dengan

ilmu, mereka dapat melaksanakan ibadah sepertimana yang dituntut Allah. Dan dengan pemahaman agama yang benar, mereka akan terpandu di dalam meneruskan kehidupan sebagai Muslim yang diredhai, dan selamat daripada apapun bentuk kekeliruan dan kejahilan dalam beragama.

Jika dahulu kita khawatir akan pemikiran atau ideologi daripada luar Islam yang boleh memesongkan anak-anak kita, hari ini kita juga perlu berhati-hati akan tafsiran-tafsiran di dalam agama kita yang boleh menimbulkan kebingungan dan kecelaruan serta masalah. Sebagai contoh, pemikiran-pemikiran yang menggalakkan masyarakat Islam agar mengkafirkan sesama orang Islam, atau yang menggalakkan pengikutnya agar dengan mudah menghukumkan sesama Muslim sebagai sesat. Sedangkan Nabi s.a.w. berpesan di dalam hadithnya yang berbunyi:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ : مَنْ قَالَ لِأَخِيهِ يَا كَافِرٍ، فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدُهُمَا.

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: Barangsiapa berkata kepada saudaranya “Wahai kafir!” maka sesungguhnya telah tetaplah dengannya [kekufuran] bagi salah seorang daripada mereka.”*

Sifat suka menyesatkan atau mengkafirkan mahupun mengeluarkan orang daripada lingkaran keredhaan Allah bukan

sesuatu yang kita boleh biarkan tersebar di dalam masyarakat kita. Kini kita dapati sebahagian orang, meskipun mereka bukan ahli dalam bidang agama, dengan sewenang-wenangnya menghukum Muslim lain sebagai pelaku bid'ah, penyembah kubur atau bukan daripada Ahlus Sunnah wal Jama'ah, dengan hanya disebabkan perkara-perkara yang diperselisihkan ulama.

Lebih merbahaya lagi, kecenderungan pemikiran sedemikian bukan sahaja wujud dalam satu-satu aliran agama yang tertentu. Sebaliknya, terdapat individu-individu yang cenderung kepada pemikiran eksklusif seperti itu di dalam pelbagai aliran agama yang ada pada hari ini, tidak kiralah sufi mahupun salafi, ataupun sebagainya.

Jangan kita biarkan syaitan menyemarakkan api kebencian antara kita. Ambillah pandangan yang diajarkan oleh Imam Ibn 'Abidin di dalam kitabnya Rad al-Muhtar yang bermaksud: *“Seandainya terdapat 70 riwayat (pandangan) yang bersetuju untuk mengkafirkan seorang mukmin dan hanya satu riwayat meskipun lemah yang tidak mengkafirkannya maka hendaklah seorang Qadhi atau Mufti mengambil riwayat yang tidak mengkafirkan daripada yang mengkafirkan.”*

Ada pula pandangan agama yang mendakwa bahawa kita tidak boleh hidup dalam harmoni dengan orang yang bukan

beragama Islam. Mereka cenderung untuk mencari dan memilih hanya pandangan-pandangan silam yang lebih keras terhadap orang bukan Islam, sedangkan jika dikaji, kita akan dapati bahawa fatwa dan pandangan itu dikeluarkan pada suasana di mana masyarakat Islam berada dalam hubungan yang tegang dan penuh konflik, dan sebahagian lagi ketika waktu peperangan.

Pandangan sedemikian tidak sesuai untuk kita terapkan di Singapura di mana kita hidup dalam keadaan aman dan berhubungan baik dengan sesama pengikut agama selain Islam. Ia berpotensi memarakkan perasaan tidak senang bergaul dengan masyarakat lain dan ini akan hanya memberikan tanggapan yang salah terhadap Islam dan pengikutnya.

Bahkan orang yang berkecenderungan sedemikian akan menggunakan ayat-ayat Al-Quran seperti ayat 51 Surah Al-Maidah di mana Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya dia adalah dari golongan mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim.”*

Sekilas pandang, ayat ini boleh difahami sebagai menghalang kita daripada mempunyai hubungan baik dengan orang bukan Islam. Akan tetapi kita perlu memahami apakah sebab ayat ini diturunkan supaya kita dapat menerapkannya sesuai dengan tujuan ia diturunkan.

Di dalam tafsirnya Imam As-Suyuthi menyatakan bahawa telah diriwayatkan bahawa ayat ini turun ketika terjadi pertempuran dan pengkhianatan oleh kaum Yahudi kepada perjanjian damai mereka dengan Nabi s.a.w. Ini bererti ayat ini hanya sesuai digunakan dalam keadaan demikian. Ia bukanlah untuk menunjukkan bahawa kita tidak boleh langsung berhubungan baik dengan orang bukan Islam. Ia semestinya bukan dalil untuk menghalang kita daripada bertukar ucapan kesejahteraan untuk mereka atau bekerjasama dengan mereka dalam kehidupan bermasyarakat, lebih-lebih lagi jika mereka merupakan teman dan jiran atau mungkin keluarga. Bahkan Rasulullah s.a.w. pernah menggunakan khidmat orang bukan Islam dalam perkara yang amat penting.

Contohnya Nabi s.a.w. menggunakan khidmat Abdullah bin 'Urayqit seorang yang bukan Islam sebagai penunjuk jalan dalam perjalanan hijrahnya ke Madinah. Dan Nabi s.a.w. telah diberikan perlindungan oleh Muth'im bin Adiy, seorang yang bukan Islam sekembalinya Baginda daripada peristiwa serangan di Thaif.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

KEPERLUAN MERAHIL ILMU DARIPADA SUMBER YANG BENAR

Saudaraku, pandangan-pandangan yang saya terangkan awal tadi, meskipun nampaknya seakan sah namun boleh menimbulkan dalam hati kita bibit-bibit kebencian dan rasa tidak senang sesama Muslim dan bukan Muslim. Pandangan sedemikian juga boleh menimbulkan perasaan tidak senang untuk tinggal di dalam negara majmuk seperti Singapura dengan alasan bahawa Singapura kurang Islamik. Jika dibiarkan pandangan sedemikian mempengaruhi minda anak-anak dan keluarga kita, saya khawatir mereka lantas boleh terpesong daripada landasan kebaikan dan rahmah yang diinginkan agama. Bahkan lebih teruk lagi jika akhirnya mereka termakan diayah kumpulan sedemikian yang mengajak kita kepada melakukan perbuatan keganasan yang boleh meragut nyawa-nyawa yang tidak berdosa.

Untuk itu, berhati-hatilah daripada siapa kita memetik panduan agama kita. Kita perlu memastikan bahawa guru agama yang mengajar kita dan keluarga kita mempunyai kemahiran serta penguasaan ilmu agama yang benar, serta mampu mengajar Islam sesuai dengan suasana kehidupan kita di negara Singapura. Adakah kita sanggup menuntut ilmu agama

daripada guru yang mengajar kita ajaran yang bermasalah seperti yang saya sebutkan awal tadi? Saya yakin semestinya tidak.

Atas dasar itulah, maka ulama dan guru-guru agama mapan di negara kita bersama Muis dan Pergas telah menubuhkan Sistem Pengiktirafan Asatizah atau ARS lebih daripada sepuluh tahun yang lalu. Ia bertujuan memastikan masyarakat yang ingin mendapatkan khidmat bimbingan agama untuk dapat mengenal pasti asatizah yang terlatih dan mempunyai kemahiran yang diperlukan. Diharapkan dengan sistem pengiktirafan, ARS, kewibawaan institusi pendidikan Islam di Singapura akan terpelihara daripada individu yang tidak bertanggungjawab dan ingin menyampaikan pandangan agama yang bermasalah ataupun mungkin sesat.

Selain itu pastikan juga, apakah kandungan pembelajaran agama yang anak-anak kita perolehi, sama ada daripada kelas agama mahupun melalui pengajian di internet. Kita sebagai ibu bapa perlu memiliki sikap ingin ambil tahu. Kita perlu sering bertanya apa yang sebenarnya mereka pelajari. Dengan berleluasanya ajaran-ajaran yang bermasalah di alam siber, kita perlu lebih prihatin. Sekiranya kita mendapati anak-anak kita, sebagai contoh, mula berbicara mengenai perjuangan bersenjata untuk sesuatu kelompok, kaum, negara Islam atau yang serupa dengannya, pastikan kita dapatkan bantuan

segera di masjid-masjid tempatan mahupun melalui talian langsung kepada Pejabat Mufti atau Kumpulan Pemulihan Agama atau RRG.

Marilah saudara, kita rendahkan hati kita dan kita panjatkan harapan kepada Allah Azza wa Jalla. Ya Allah, Tuhan pelindung Kaabah, lindungilah kami, keluarga dan masyarakat kami daripada segala anasir keburukan di dunia mahupun di akhirat. Peliharalah keimanan dan ketakwaan kami dengan ilmu yang benar dan Kau redhai. Pandulah kami dengan cahaya hidayahMu yang tiada terpadam. Bimbinglah kami dalam melaksanakan agamaMu dan menyebarkan kebaikan sesuai kehendakMu.

Ya Halim Ya Latif, perkukuhkanlah hubungan antara kami, padamkanlah api kebencian, permusuhan mahupun kedengkian di dalam hati kami. Lunakkan sanubari kami dan lembutkanlah jiwa kami dengan siraman rahmahMu. Hiasilah akhlak kami dengan keindahan sunnah NabiMu dan golongkanlah kami di kalangan ahli syurgaMu Ya Arhamar Rahimin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

KHUTBAH KEDUA

الله أكبر 7x

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَعَادَ الْأَعْيَادَ وَكَرَّرَ. أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ أَنْ
خَلَقَ وَصَوَّرَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
شَهَادَةً يَثْقُلُ بِهِ الْمِيزَانُ فِي الْمَحْشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْفَائِزِينَ بِالشَّرَفِ
الْأَفْخَرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

وَصَلُّوا عِبَادَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِ الْهُدَى وَخَيْرِ الْوَرَى فَقَدْ
أَمَرَكُمْ بِذَلِكَ الْمَوْلَى جَلَّ وَعَلَا حَيْثُ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى رَسُولِكَ الْمُجْتَبَى وَنَبِيِّكَ الْمُصْطَفَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْخَلْقِ وَخَيْرِ الْوَرَى. وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَى.

اللَّهُمَّ وَارِضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ
وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِيهِمْ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَغَافِرُ
الذُّنُوبِ وَالْخَطِيئَاتِ. رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا
وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ
هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا
آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ. يَا اللَّهُ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ
يُعَلِّمُ مَا تَصْنَعُونَ.